

# MENGHIDUPKAN SEMULA PEDAGOGI INKUIRI FALSAFAH DI KALANGAN PENDIDIK DAN PELAJAR ISLAM

Oleh  
Rosnani Hashim<sup>1</sup>

## Abstract

*Muslims and Muslim societies are more frequently challenged today by many internal and external threats. Externally they are threatened with globalization, modernity, non-Islamic cultures and values particularly from the West, post-modernity and liberalism and recently to all kinds of Islamophobia. Internally, they are suffering from a crisis of values as a result of this onslaught – ranging from gender issues to human rights and democracy. Information and communication technologies seem to accelerate the pace of these threats. How can the Muslim minds withstand this intellectual and ideological onslaught? How should their education system, curriculum and educators respond? The purpose of paper is to dissect the problem and argues for a different pedagogical approach in the education of Muslim youth. Their education should empower and motivate them so that they can determine the direction of their lives rather than being fed with 'education' that is not meaningful to them. It is to inform educators that they should incorporate the pedagogy of philosophical inquiry as the necessary tool to awaken the Muslim minds.*

## Pengenalan

Umat Islam mutakhir ini menghadapi pelbagai ancaman dari dalam dan luar. Ancaman ini semakin mendesak dengan ‘bantuan’ teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Kemajuan TMK memecut proses komunikasi dan pertukaran maklumat dalam bentuk audio, video dan teks di seluruh dunia. Bukan itu sahaja, malahan ia telah mengembangkan jumlah dan kuantiti maklumat yang boleh diperolehi. Internet yang menawarkan pelbagai forum, blog dan laman sawang mendedahkan dan menyalurkan pelbagai idea, fikiran, ideologi, kepercayaan, pendapat, nilai, berita dan imej yang boleh dicapai oleh sesiapa saja yang memiliki peralatannya. Pada masa penggeramannya, ramai yang menyambut baik globalisasi sebagai pembawa *bashirah*, berita baik – menawarkan ilmu kepada semua di jaringan internet. Tetapi kini, kita dapati perkara yang berharga dan bernilai tidak boleh diperolehi secara percuma di

<sup>1</sup> Profesor Pendidikan dan Pengarah Madya, Pusat Inkuiri Falsafah dalam Pendidikan, Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Emel: rosnani@iium.edu.my

internet, termasuklah juga makalah akademik. Malahan Mahathir, mantan Perdana Menteri Malaysia yang pada fasa awalnya sangat mengalu-alukan globalisasi akhirnya mengacamnya sebagai satu bentuk penjajahan jenis baru. Bagi seseorang yang pernah mengalami kehidupan semasa zaman penjajahan, serangan globalisasi sudah pasti seharusnya dilawan. Penjajahan jenis baru ini lebih buruk kesannya sebab ia bersifat ideologikal dan bukan semata-mata fizikal seperti dulu. Globalisasi mempunyai banyak kesan terhadap pendidikan terutama dalam kedomininan Bahasa Inggeris mengatasi bahasa ibunda, dalam peningkatan keperluan untuk melakukan ukuran atau *benchmarking* dengan penanda aras dan piawaian antarabangsa, pengkomoditian ilmu, kemajmukan dan pluralisme idea dan bangsa, dan imperialisme budaya, khususnya, proses ‘Amerikanisasi’.

Jika Aronowitz & Giroux<sup>1</sup> terpanggil untuk menulis tentang ‘*Education under siege*’, kita pula rasa terpanggil untuk menulis tentang ‘*Muslims under siege*,’ yakni ‘Umat Islam terkurung.’ *Islamophobia* (yakni fobia terhadap Islam) pasca-September 11 dan kemusnahan yang dialami oleh negara Islam seperti Afghanistan dan Iraq, dan juga umat Islam tidak terperi untuk diperkatakan. Lama sebelum September 11, Huntington membuat hipotesis bahawa dunia semakin hampir kepada pertembungan peradaban (*clash of civilization*), terutama pertembungan antara peradaban Islam dan Barat.<sup>2</sup> Dari segi dalaman, krisis nilai iaitu melibatkan isu keluarga, *gender*, seksualiti, pluralisme, demokrasi, hak-hak kemanusiaan, budaya, bahasa dan identiti, yang merupakan kesan daripada modernisasi, menduduki tempat utama hari ini.

Ancaman yang paling membahayakan ialah ancaman yang menjelas minda Muslimin. Hari ini minda Muslimin bukan sahaja diserang oleh liberalisme, sekularisme, fundamentalisme, positivisme dan Marxisme, tetapi juga pasca-modernisme. Dalam karyanya, *The Great Theft*, Abou Fadl berhujah bahawa hari ini kita menyaksikan bahawa Islam telah dicerobohi oleh golongan Muslim yang ekstrim,<sup>3</sup> sementara ada pula yang menyatakan bahawa mereka sudah menculik Islam daripada golongan moderat sederhana. Idea-idea seperti ini perlu dibahaskan. Bagaimanakah minda Muslim boleh bertahan daripada serangan-serangan fikiran ini? Bagaimanakah mereka harus bertindak-balas? Apakah pula respons yang harus dilaksanakan oleh sistem pendidikan, kurikulum dan pendidik? Makalah ini bertujuan untuk menganalisis masalah ini dan mengemukakan hujah bahawa pendekatan pedagogi yang lain harus diperkenalkan di kalangan umat Islam bagi mengatasi masalah yang kita sebut di atas. Ia bak usaha Freire memperkasakan para petani dan merangsang mereka supaya menentukan arah tuju kehidupan mereka dan bukannya disuap dengan ‘pendidikan’ yang tidak mempunyai makna dalam hidup mereka.<sup>4</sup> Makalah ini berusaha untuk menggesa para pendidik menghidupkan kembali satu alat yang boleh menyedarkan minda Muslimin, iaitu pedagogi inkuiri falsafah. Lebih

penting lagi, ia mengembalikan kita kepada makna pendidikan sepetimana diajar dan ditunjuk oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang menzahirkan Islam sebagai ‘*rahmatan lil ‘alamin*,’ iaitu rahmah bagi seluruh alam, membebaskan pengabdian manusia kepada sesama manusia dan sebaliknya kepada Tuhan yang Esa, dengan prihatin terhadap persaudaraan insan, keadilan sosial dan akhlak mulia.

### **Kenapa pendidikan dan epistemologi Islam?**

Kita ingin memberi tumpuan kepada pendidikan formal selaku pusat penggeraman idea-idea baru dan kubu bagi pertahanan aqidah. Pendidikan melibatkan golongan muda yang lebih mudah menerima perubahan daripada golongan dewasa. Kita ingin memetik idea dari Ikhwan al-Safa, supaya tidak membuang waktu kita dengan golongan dewasa. Atau pun dengan “*Ayyuhal Walad [Wahai anakku]*” seperti yang dicadangkan oleh Imam al-Ghazali yang juga maklum tentang signifikan kebeliaan dan kesegaran sekiranya kita ingin mendidik. Justeru, eloklah kita memberi fokus kepada sekolah dan pendidikan dalam dunia Islam. Kita percaya umat Islam di seluruh dunia sedang bergerak ke arah halatuju yang sama tetapi kelajuan langkah mereka berbeza.

Pendidikan Islam bersumber dan berkisar sekitar al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Inilah dua sumber utama ilmu yang menjadi tonggak ilmu bagi umat Islam. Sebagai Kitab Suci, al-Qur'an mengandungi Shari'ah, iaitu jalan untuk menjadi seorang Muslim. Ia mengandungi prinsip dan hukum untuk kehidupan Muslim, etika dan akhlak dalam banyak aspek kehidupan sepanjang hayat seperti dalam hubungan sosial and muamalah, dalam perkahwinan, dalam hukuman denda dan pendidikan; dan asas agama berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam. Tetapi, al-Qur'an itu sendiri memimpin umat Islam untuk memikirkan tentang alam yang mereka pijak ini supaya ia menjadi satu lagi sumber ilmu bagi mereka. Al-Qur'an tidak berhenti di situ malahan ia berbicara tentang alam fizikal, tabi'i manusia and juga sejarah manusia – bukan dari segi kronologi tetapi dari sudut moral antara baik dengan buruk dan benar dengan bathil dan kepentingan Hakikat dan realitas. Sarton, sejarawan sains dari Universiti Harvard begitu faham akan hal ini dalam kajian beliau tentang sains Islam sehingga beliau menyatakan, ‘bagaimanakah kita boleh sampai kepada pemahaman sebenar tentang sains Islam jika kita tidak memahami sepenuhnya perkisarannya di sekitar al-Qur'an.’<sup>5</sup> Justeru, bermula daripada al-Qur'an dan masalah yang mereka hadapilah yang memimpin sarjana Islam masa silam untuk membangun sains intelektual atau sains *aqliyyah*, khususnya yang bertujuan untuk memudahkan beribadat dan juga kehidupan manusia sejagat seperti algebra, astronomi dan perubatan.

## Kurikulum Umat Islam

Tentulah jelas daripada perbincangan sebelum ini bahawa kurikulum umat Islam mesti merangkumi al-Qur'an, Hadith, Aqidah, 'Ibadah dan Akhlak sebagai teras kurikulumnya. Malahan semasa zaman Abbasiyah kurikulum umat Islam terdiri daripada<sup>6</sup>: *Lughah al-Arabiyyah* (Bahasa Arab), *Nahu wa al-Sarf* (Nahu), *Balaghah* (Retorika), *Adab* (Kesusasteraan), *Tafsir al-Qur'an*, *Qira'at* (Bacaan al-Qur'an), Hadith, Fiqh dan *Kalam* (teologi). Islam tidak menolak ilmu 'aqliyah. Sebaliknya, bukti sejarah menunjukkan bahawa al-Qur'an adalah sebab utama umat Islam begitu maju dalam ilmu sains intelektual ini. Pengabaianya berlaku akibat daripada beberapa faktor luaran – yang paling penting adalah penubuhan madrasah (pada ketika itu madrasah adalah pengajian tinggi) umum pada awal kurun ke-11 yang memberi perhatian kepada ilmu shari'ah dan mengabaikan ilmu 'aqliyah – menyerahkannya kepada individu dan institusi secara persendirian seperti hospital, kutub-khanah dan *observatory* (balai cerap). Kedua, konflik intelektual dan ideologikal yang merundung umat terutama selepas Perang Siffin antara Sayyidina Ali dan Muawiyah yang memecahkan mereka kepada beberapa aliran seperti Khawarij, Murji'ah, Jabbariyah, dan Qadariyyah yang mula menggunakan rasionalisme untuk menafsir al-Qur'an bagi menegakkan pandangan mereka. Kemunculan kalam (*scholastic theology*) telah memberi umat Islam hujah yang kukuh bagi mempelajari falsafah Yunani. Tetapi keterlaluan rasionalisme yang dibawa oleh golongan Mu'tazilah menimbulkan reaksi berlebihan di pihak ahli Hadith sehingga ilmu 'asing' ini dipinggirkan semenjak itu.

Oleh itu, sejak kurun kesebelas madrasah umum mengajar cuma satu jenis ilmu, iaitu ilmu shari'ah dan mengabaikan sejenis lagi ilmu, iaitu ilmu 'asing' ini. Bagaimanapun madrasah mengajar fiqh dengan disiplin yang rapi dan kukuh. Pedagogi mereka agak dinamik. Ia bukan sekadar penghafazan tetapi satu amalan wacana intelektual yang wujud dalam *halaga* (kumpulan kajian berbentuk separuh bulatan) atau di istana Khalifah atau Sultan, yang sentiasa membuat para *ulama* atau *fujaha* bersedia dengan ilmu dan hujah yang sahih. Semangat keintelektualan mereka mula tumpul apabila amalan *sharah* (membuat kupasan) untuk menjelaskan dan menghuraikan karya-karya lepas memenuhi kurikulum mereka. Dengan serta-merta, ilmu Tradisional atau *nāqiliyah* bertukar wajah menjadi penghafazan *sharah* dan bukan lagi menemui idea segar melalui *ijtihad*.

Inilah bentuk pendidikan yang diwarisi oleh umat Islam sejak dulu sehingga zaman sains dan industri moden yang dirintis oleh peradaban Barat dalam kurun kelapan belas. Bagi kebanyakan negara Islam, pendidikan Islam berlangsung di masjid dengan Tok Imam selaku guru seperti pendidikan tradisi yang berlangsung di kolej-masjid pada zaman silam. Dalam konteks Malaysia

pendidikan tradisional atau pengajian agama ini berlaku di *pondok* dan kemudiannya di madrasah. Dalam kebanyakan kes, kaedah yang digunakan berbentuk kaedah tradisional – membaca, menghafaz, menyalin nota dan syarahan, menulis, dan paling penting, berbahas. Kurikulum pengajian memang tertumpu kepada ilmu agama atau *naqliyah* tetapi terdapat juga pengajaran ilmu hisab (*fara'id*), mantik Islami, ilmu falak dan Bahasa Arab yang memakan kebanyakan masa pelajar. *Tasawwuf* iaitu pembersihan jiwa juga diajar. Peperiksaan diadakan untuk menilai penguasaan mata pelajaran. Pendidikan jarang sekali dihubungkan dengan kerjaya selain daripada melahirkan ulama, hakim, guru dan orang awam yang celik agama. Malahan Al-Ghazali sendiri amat prihatin tentang hal ini dan ketidakseimbangan umat Islam dalam menuntut ilmu. Beliau mengeluh melihat kurangnya umat Islam yang mendalami bidang perubatan atau ilmu hisab sementara ramai yang berlumba-lumba mendalami bidang *Shar'iyyah* atau ilmu Tradisional kerana kekayaan dan kemasyhuran yang boleh diperolehi daripadanya.<sup>7</sup>

### Kurikulum dan Kaedah Mengajar Masa Kini

Di kebanyakan negara Islam hari ini, wujud sistem pendidikan umum yang dilaksanakan oleh pemerintah yang sebenarnya diwarisi dari penjajah dan menawarkan kurikulum sekular pada awal kemerdekaan. Pada masa yang sama wujud sekolah atau madrasah agama Islam yang bersifat persendirian atau diuruskan oleh masyarakat setempat. Di beberapa negara, usaha telah dilakukan untuk memastikan pendidikan agama terus diajar dalam sistem pendidikan umum. Begitu juga sebaliknya, beberapa ilmu *aqliyah* mula diajar dalam kurikulum sekolah agama bagi menyediakan pelajarnya untuk melanjutkan pelajaran atau menepati keperluan kerjaya. Di beberapa negara lain, usaha yang lebih tekun dilaksanakan untuk menghasilkan kurikulum bersepadan dan holistik dengan adunan dari kedua-dua kurikulum agama dan kurikulum sekular.

Bagaimana pun dengan peredaran masa dan penekanan kepada peperiksaan umum, cara mengajar ilmu agama di sekolah juga turut mengalami perubahan. Objektifnya turut berubah dan sasarannya adalah bagi setiap individu mencapai skor tertinggi bagi mata pelajaran itu dalam peperiksaan. Kepentingan domain kognitif telah menenggelamkan kepentingan domain afektif. Hasil sistem sedemikian ialah pelajar boleh berjaya dan tamat pengajian tanpa keupayaan memahami makna sebenar perkara yang mereka pelajari. Mereka mempunya maklumat dan ilmu, tetapi tidak semestinya kebijaksanaan. Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan ilmu *inert* (statik dan tidak bermaya) oleh ahli falsafah matematik Alfred Whitehead.<sup>8</sup> Ilmu agama dalam kurikulum sekolah pun kurang memberi perhatian kepada penyerapan akhlak – nilai moral dan

kerohanian, dan oleh kerana tekanan daripada pasaran, pelajar juga diajar demi lulus peperiksaan. Justeru, jiwa atau ruh pendidikan agama juga sudah ditinggalkan.<sup>9</sup> Pelajar mula mendapati pembelajaran Fardhu Ain membosankan dan tidak penting hasil daripada pendidikan agama yang tidak menepati sasaran dan juga kaedah atau pedagogi pengajaran yang tidak berkesan. Pelajar seolah-olah telah diprogram seperti komputer untuk menyimpan begitu banyak maklumat tetapi ia tidak memberi makna kepada diri mereka. Ini ditambahburukkan lagi dengan kaedah yang serupa digunakan untuk mata pelajaran *aqliyah* lain termasuk sains dan matematik. Kesannya, pelajar kita tidak berdaya memberi idea yang bernalas dan berfikir dengan kritis dan bijak. Mereka tidak dapat membuat suatu analisis, penilaian mahupun memberi gambaran keseluruhan untuk sesuatu isu. Mereka tidak dapat menafsir prinsip Islam dalam konteks mudah untuk diri mereka sendiri dan membuat keputusan berdasarkan prinsip itu. Sistem pendidikan kita sendiri secara tidak langsung telah mengajar mereka menjadi pendengar yang pasif, mampu menghafaz walaupun tanpa mengetahui makna dan memahami konsep atau idea yang diajar. Pelajar tidak mempunyai ruang untuk berbinang-isu moral mahupun sosial yang penting pada mereka bersama guru dan sesama mereka terutamanya apa yang mereka minati tidak terdapat dalam sukatan pelajaran. Dengan kaedah pengajaran sedemikian dan cabaran-cabaran kontemporari yang menyelimuti mereka, kita tidak terkejut sekiranya ramai remaja Islam terjebak dalam masalah sosial dan moral. Pendidikan tidak dapat membantu segolongan besar daripada mereka kecuali sebagai satu wahana untuk mencari pekerjaan atau persediaan pengkhususan di pusat pengajian tinggi.

Krisis nilai berlaku apabila golongan remaja berhadapan dengan nilai baru dari Barat yang tidak Islamik seperti pergaulan seks bebas, persamaan gender dan hak-hak kemanusiaan yang sebahagiannya bercanggah dengan nilai Islam. Islam mempunyai nilainya yang tersendiri tetapi apabila golongan ini diserang hari demi hari melalui pelbagai jenis media massa dan internet dengan nilai-nilai cara hidup Barat yang tidak Islamik dalam beberapa segi, kita tidak hairan jika mereka juga turut lemas dan menganggap nilai ini sebagai normal and mula menirunya. Segelintir mula menyoal and menolak nilai mereka sendiri dan menganggapnya sebagai kuno dan mengongkong kebebasan dan hak individu. Hedonisme, materialisme dan sekularisme menyerap masuk dan mereka mula menganut kehidupan yang bersandarkan keseronokan dan hiburan, memandang tinggi kepada kebendaan iaitu lebih menghormati seseorang yang mempunyai nilai kebendaan yang tinggi berbanding dengan seorang yang miskin kebendaan tetapi mungkin berakhhlak mulia. Kita telah mengajar mereka untuk melupakan intisari maruah insaniah, iaitu setiap insan adalah sama di sisi Allah kecuali yang lebih bertaqwah. Yang penting adalah maruahnya dan bukan hartanya sahaja. Merokok mungkin memberi seseorang itu pengiktirafan atau identiti yang ia cari-cari. Paling jelas bukti krisis ini adalah cara pakaian

gadis Islam belasan tahun yang menampilkan skizofrenia yang mereka alami – mereka inginkan kedua-dua dunia Islam dan Barat – hasilnya pakaian yang jebat. Para remaja dan orang dewasa lelaki pula sudah menyerap pakaian Barat sepenuhnya tanpa rasa apa-apa walaupun kalau kita perhatikan dalam setiap budaya Islam pakaian lelakinya jauh berbeza dari Barat – lebih sopan, lebih sesuai dengan iklim negara mereka, dan keperluan untuk melaksanakan *thaharah*, *wudhu'* dan juga sembahyang lima waktu.

Selain daripada faktor sosial, masalah-masalah ini muncul disebabkan oleh kelemahan pendidikan yakni kegagalan kita dengan kaedah mengajar yang berkesan, kegagalan kita melengkapkan golongan remaja ini dengan keupayaan mena'kul yang baik, dan keupayaan membuat keputusan yang bijak. Mungkin kita telah memberi mereka segala maklumat tentang perkara yang boleh dibuat dan yang dilarang dan mereka sudah menguasainya dengan baik jika keputusan peperiksaan dijadikan ukuran, namun mereka berkelakuan sebaliknya. Ini mungkin berlaku, iaitu ketidaktekalan antara ilmu dan amal, kerana sistem pendidikan kita dihala kearah peperiksaan sehingga berlaku begitu banyak latihubi sebagai persediaan. Tidak hairan jika sekolah kita memperuntukan satu hingga dua bulan akhir sebelum peperiksaan awam untuk tujuan ini. Pada tahun peperiksaan awam, pelajar dikehendaki bersedia dengan mengambil peperiksaan selaras di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Dengan sistem penilaian sedemikian rupa yang mana prestasi sekolah dan guru diukur dari peratus gred cemerlang dan lulus yang diperolehi, tidak hairan jika sistem ini melanjutkan penyakit “diploma”.

Banyak usaha kearah pembaharuan telah diambil untuk mengeluarkan golongan remaja yang cerdik, kritis, kreatif dan bijak terutama dengan beralih kepada kurikulum berpusatkan pelajar dari berpusatkan subjek atau guru. Banyak usaha telah dilakukan untuk melatih guru dalam kaedah-kaedah menurut pendekatan ini. Kumpulan kecil, pembentangan menggunakan TMK, pembelajaran berdasarkan projek, dan pengajaran menggunakan multimedia telah dilaksanakan sebagai pembaharuan pendidikan. Namun, jika kita perhatikan apa yang berlaku di bilik darjah, kita akan dapati bahawa usaha-usaha ini adalah *superficial* – pada zahirnya sahaja, sekadar mengisi waktu. Masih ramai guru berpatah balik ke cara lama khususnya bagi menyediakan murid menjawab soalan peperiksaan dengan alasan kesuntukan masa untuk menghabiskan sukanan pelajaran.

Sebenarnya kita jarang sekali menggunakan waktu untuk pembelajaran yang bermakna dalam bilik darjah hari ini. Pada hal, tradisi Islam mentakrifkan ilmu sebagai ketibaan makna sesuatu atau objek ilmu ke dalam ruh atau ketibaan ruh kepada makna sesuatu atau objek ilmu.<sup>10</sup> Malahan sarjana Barat sendiri seperti Bruner<sup>11</sup> menegaskan bahawa pembelajaran ialah *making sense or*

*understanding the world and themselves* (iaitu melihat gambaran keseluruhan) yang merangkum berbagai-bagai perspektif kognitif. Sternberg, seorang sarjana psikologi menegaskan bahawa kita telah terlalu menfokus kepada kecerdasan tetapi tidak kepada kebijaksanaan. Kebijaksanaan berbeza daripada kecerdasan.<sup>12</sup> T.S. Eliot bertanya semakin kita maju dalam TMK hari ini, “Di manakah kebijaksanaan yang telah hilang kepada ilmu, di manakah ilmu yang telah hilang kepada maklumat?”

Tidak ada lagi masa dalam bilik darjah hari ini untuk berbincang tentang konsep-konsep yang kaya dan soalan-soalan falsafah yang memberi makna dalam kehidupan kita. Tidak ada perbincangan falsafah. Tidak ada masa untuk soalan-soalan pelajar sendiri atau kedahagaan kepada ilmu. Mungkin kehausan kepada ilmu sudah lama pudar. Apabila tidak ada perbincangan atau pun pengemukaan pendapat dan perbahasan, bagaimanakah boleh wujud pena’akulan dan pemikiran tajam, penilaian idea-idea, dan pembukaan minda. Malangnya Pendidikan Moral dan Pendidikan Agama Islam turut menjadi mangsa corak penilaian masa kini. Apabila pelajar tidak diajar untuk benar-benar yakin dengan idea mereka, untuk mengungkapkannya dan mempertahankannya jika boleh dan begitu juga menilai idea rakan-rakan yang lain dan membentulkan idea mereka jika idea rakan mereka lebih mantap dan baik, bagaimanakah mereka boleh membina pemikiran kritis dan kreatif, membangun keyakinan diri atau kemahiran berkomunikasi yang berkesan? Malahan kelas bahasa juga tidak mampu memberi masa untuk berbicara.

Kewujudan masalah dan cabaran ini memaksa kita menilai semula pedagogi dan kaedah penilaian dan pengukuran yang digunakan oleh para guru dalam mendidik golongan remaja dan anak-anak kita. Kita perlu mengembalikan semula pedagogi yang sangat dinamik pada kurun permulaan Islam tetapi telah diabaikan hari ini. Kita perlu mengembalikan semula pedagogi inkuiri falsafah.

### Falsafah dan inkuiri falsafah

Kenapa inkuiri falsafah? Falsafah adalah disiplin ilmu tertua yang menyentuh alam kewujudan dan makna yang juga disentuh oleh agama. Ia menyentuh tentang metafizik – makna kewujudan, sifat insan, kosmologi, Hakikat dan Realiti dan Tuhan; epistemologi – sumber ilmu, kemungkinan memperoleh ilmu hakiki, jenis ilmu, metodologi memperoleh ilmu atau penyelidikan; aksiologi iaitu nilai, etika, dan moraliti – apakah yang baik atau buruk, benar atau bathil, indah atau jelik; dan akhir sekali, mantik – seni pena’akulan logikal dan falasi. Mantik adalah alat untuk memajukan pemikiran. Malahan Imam al-Ghazali sendiri mengakui kebergunaannya dan berhujah bahawa al-Qur'an

sendiri bertanyakan banyak soalan logikal.<sup>13</sup> Malahan alat falsafah mula-mula digunakan oleh golongan Mu'tazilah untuk mempertahankan Islam daripada serangan pendita Nasrani yang menyerang aqidah umat – contohnya merujuk kepada Isa al-Masih sebagai Kalimat Allah dan statusnya sebagai anak Tuhan berbanding dengan al-Qur'an juga sebagai Kalimat Allah. Kepentingan falsafah demi mempertahankan aqidah ditegaskan juga oleh sarjana Islam semasa, S.H. Nasr, "*the teaching of Islamic philosophy is urgent because 'it is the means of protecting the Truth (al-Haq) and providing ways for repelling the attacks which are made against it from all sides.'*"<sup>14</sup> Malahan beliau menganggap pengajaran falsafah Islam sebagai satu kewajipan agama.<sup>15</sup> Ini adalah kerana maudhu' falsafah sama diperhatikan oleh umat Islam terutama berbahas tentang Tasawwur Islam yang memberi perhatian khusus kepada sifat kewujudan, insan, alam, kenabian dan Tuhan, dan juga akhlak, moral dan kerohanian.

Leaman pula menegaskan bahawa "*it would be a mistake to regard philosophy in Islam as starting with the translation of Greek texts* [menganggap falsafah dalam Islam bermula dengan penterjemahan teks Yunani adalah satu kesilapan]."<sup>15</sup> Dia berhujah bahawa sebelum pengenalan logik Yunani lagi, sarjana Islam telah terlibat dalam argumen falsafah dalam bidang fiqh, sifat perundungan, qiyas, dan makna. Memang tidak menghairankan jika mereka mengalu-alukan sumbangan logik Aristotle bagi penjelasan konseptual dalam bidang-bidang tersebut. Misalnya, walaupun al-Ghazali tidak pernah menganggap dirinya seorang ahli falsafah, namun beliau percaya pentingnya menguasai falsafah sebelum beliau boleh mengkritiknya. Beliau dapat mengeluarkan argumen-argumen yang terbilang dalam karyanya *Tahafut al-falasifa* [Ketidakkeruan ahli falsafah]. Walaupun beliau menentang falsafah Yunani dan perkembangannya dalam Islam, beliau tetap menganjurkan bersungguh-sungguh pengajian dan penggunaan logik. Beliau mendakwa bahawa silogisme Aristotle telah diguna dan disarankan dalam al-Qur'an. Malahan beliau menunjukkan contoh-contoh logik Aristotle daripada ilmu Perundungan Islam.<sup>16</sup>

Inkuiri falsafah ialah satu bentuk penyelidikan terhadap idea dan konsep bagi menimbulkan kefahaman dan makna yang lebih mendalam. Pertanyaan dan perbincangan memang dua unsur tersirat dalam sifat inkuiri falsafah. Kaedah ini telah didokumenkan sebagai sebahagian daripada tradisi Islam. Az-Zarnuji yang hidup pada kurun ke-12 menegaskan kepentingan dua unsur penting ini.

Menuntut ilmu memerlukan cara perbincangan, argumen dan pertanyaan. Adalah [juga] penting bahawa [seseorang melakukannya] dengan adil, berhati-hati dan berunding, dan mengukuhkan pendirian daripada perselisihan pendapat dan kemarahan. Ini kerana perbincangan dan argumen adalah [sejenis] perundingan dan ia juga berhasrat untuk mencapai

kebenaran. Hasilnya akan dicapai melalui sifat berhati-hati, mengelakkan daripada pergaduhan yang sengit, dan keadilan [pada keseluruhannya], bukan melalui permusuhan dan kemarahan. Sesungguhnya [argumen dan perbincangan] yang bertujuan untuk memaksa dan menghapuskan musuh adalah dilarang sama sekali. Ia dibolehkan cuma bila ia bertujuan menimbulkan kebenaran.<sup>17</sup>

Beliau menegaskan lagi bahawa “kebergunaan [nilai] mengemukakan pertanyaan dan membincangkannya lebih besar daripada kebergunaan mengulang semata-mata kerana di dalamnya terdapat pengulangan dan satu lagi unsur lain.”<sup>18</sup> Beliau juga menasihatkan tentang perlunya berfikir ke atas subjek kajian. Kata beliau,

Adalah menjadi kewajipan [bagi penuntut] dalam menuntut ilmu untuk menelitiinya sehingga kepada perkara yang lebih halus pada setiap detik dan membiasakan diri dengan ilmu itu; kerana dengan penelitian sahaja masalah-masalah halus ini dapat dilerakan. Oleh sebab itu ada yang berkata: Fikir dan kamu akan mencapai jawapannya. Dan amat perlu untuk berfikir sebelum berkata supaya dapat berkata dengan betul [atau, yang benar]. Sesungguhnya kata-kata itu umpama anak panah [oleh itu] ia perlu disasarkan melalui fikiran yang mendalam sebelum bertutur supaya seseorang terus mencapai titik yang disasarinya itu.<sup>19</sup>

Menurut Maqdisi, “Menjelang kurun keempat-kelima Hijrah (kesepuluh – kesebelas T.M.) *munazara* sudah berkembang begitu tinggi sekali dalam bidang pengajian perundungan yang dikaji oleh pelajar-fiqh. Untuk menjadi ahli fiqh yang baik seseorang wajib dalam perdebatan.”<sup>20</sup> Beliau menegaskan bahawa kaedah mengajar ini amat meluas sekali sehingga ia bukan sahaja diperkenalkan dalam Nahu dan Kalam tetapi juga dalam ilmu perubatan.<sup>21</sup>

### Pedagogi inkuiri falsafah

Perbincangan falsafah berbeza daripada semua jenis perbincangan lain – terdapat pentingnya nilai tidak menyebelahi mana-mana pihak; keperluan untuk memikirkan masalah secara mendalam dan bukan memberi pendapat sekadar melepaskan batuk di tangga; ia juga bersifat kumulatif, iaitu, ia semakin berkembang dan pelajar dapat menemui ufuk baru. Dalam sesuatu inkuiri falsafah, kuantiti maklumat yang di peroleh pelajar kurang penting berbanding dengan perkembangan pertimbangan intelektualnya. Inkuiri

falsafah memeriksa andaian-andaiannya sendiri, mengukuhkan kefahaman tentang isu-isu atau mencari hujah yang lebih lengkap bagi mempercayai pendirian masing-masing. Perbincangan falsafah adalah perbincangan yang menyentuh pertanyaan falsafah. Apakah pertanyaan falsafah? Pertanyaan atau persoalan falsafah lazimnya bersifat kontroversi. Ia tidak memerlukan jawapan yang tepat. Ia memerlukan kajian lebih lanjut dan menerima jawapan yang berbeza-beza yang mungkin mempunyai satu nilai atau pun nilai lain. Ia melibatkan masalah yang tidak boleh diselesaikan menerusi kira-kira, atau merujuk kepada sesebuah buku, atau mengingati apa yang disebut oleh guru. *Ia memerlukan pelajar untuk berfikir sendiri.* Ia memerlukan pemikiran yang komplek dan lebih masa untuk berlaku adil. Contohnya, apakah hak-hak manusia, hak kanak-kanak? Apakah yang dimaksudkan dengan baik? Persoalan falsafah adalah tentang konsep atau idea. Apakah maksud kemerdekaan? Atau kebahagiaan? Atau Keadilan? Ia menyiasat perkaitan antara konsep-konsep atau idea-idea. Malahan pertanyaan falsafah merupakan alat paling sempurna untuk penerokaan merentasi kurikulum dan menyepadukan dan memahami makna semua disiplin ilmu. Sesuatu perbincangan falsafah yang dianggap baik telah terlaksana sekiranya:

- Hasilnya menunjukkan kemajuan berbanding dengan keadaan permulaan – iaitu kemajuan dalam pemahaman, mencapai satu kesepakatan, atau merumuskan masalah.
- Perasaan bahawa sesuatu telah dapat dicapai; hasil kumpulan sudah tercapai.
- Ia bukan perbincangan mendatar tetapi kumulatif.
- Ia bukan sejenis sumbang saran.
- Ia tidak perlu melibatkan semua yang hadir dari segi perbicaraan.
- Ia tidak semestinya berlaku semata-mata kerana ramai yang bercakap.<sup>22</sup>

Inkuiri falsafah memperkasakan golongan muda untuk mencari makna dengan membantu mereka menemui alternatif, ketekalan, keterbukaan, kesyumulan, hubungan, keupayaan memberi hujah bagi menyokong pendirian dan hubungan bahagian – keseluruhan (atau kesatuan). Kepentingan bahagian – keseluruhan dapat ditunjukkan melalui situasi seperti menjadi ahli kepada pasukan sukan, persatuan, satu lakonan atau sebagainya. Walaupun peranan yang dimainkan oleh sesuatu individu itu kecil tetapi kalau peranan itu tidak dimainkan dengan baik, seluruh pasukan akan gagal. Kekeliruan yang dihadapi oleh mereka tentang identiti diri, kerjaya, perhubungan rakan sebaya, sikap tidak apa dan sebagainya boleh dielakkan jika mereka digalakkan berfikir dan menganalisis halatju kehidupan mereka. Ini melibatkan dialog dan pendedahan kepada alternatif yang ada. Begitu juga jika logik dan pena’akulan diajar tanpa aplikasi dalam kehidupan pelajar, maka mereka tidak dapat melihat keseluruhannya dan kepentingannya.

### Satu komuniti inkuiri (KI)

Untuk melaksanakan sesuatu inkuiri falsafah wajib berlaku dialog di antara sekurang-kurangnya dua orang – mainan kata-kata saling mempengaruhi antara mereka. Dalam konteks Islam, proses ini berlaku dalam kaedah Allah menta'dib Nabi Muhammad s.a.w. seperti yang terbukti dalam al-Qur'an, yang dipenuhi dengan banyak pertanyaan bagi beliau renung dan fikirkan. Misalnya:

"Tidakkah mereka lihat pada unta, bagaimana ia dijadikan?  
Dan pada langit, bagaimana ia ditingkatkan?  
Dan kepada gunung, bagaimana ia ditetapkan dengan kukuh?  
Dan kepada bumi, bagaimana ia terbentang luas? (88:17-20)

Rasulullah s.a.w. sendiri lebih kerap menggunakan kaedah ini daripada kaedah lain dalam mendidik para sahabat. Misalnya, hadith beliau yang terkenal tentang Islam, Iman dan Ihsan, atau pertanyaannya tentang atur cara memerintah kepada Mu'adh ketika dilantik sebagai gabenor baru bagi Yemen.

Dalam konteks peradaban Yunani Kuno, kita dapati Socrates telah berperanan seperti seekor langau yang mengganggu orang lain dengan pertanyaan falsafahnya – dan justeru lahirnya kaedah Sokratik. Socrates sentiasa didampingi oleh sekumpulan orang, muda dan dewasa, duduk menghadapinya dalam bentuk separa-bulatan untuk berdialog. Pada satu sudut, halaqah ulama Islam silam mempunyai persamaan dengan halaqah Socrates. Apa yang terdapat adalah sekumpulan atau satu komuniti penuntut yang cuba memahami sesuatu idea dengan lebih bermakna.

Oleh demikian dalam pedagogi inkuiri falsafah ini, terdapat satu komuniti penuntut ilmu yang menyoal satu sama lain tentang definisi, hujah untuk menyokong pendirian mereka, pembinaan idea satu sama lain, perbincangan terhadap sesuatu isu, pemikiran contoh yang berlawanan dengan tesis ahli komuniti lain, penggunaan kriteria untuk membuat pertimbangan dan bekerjasama menyelesaikan masalah serasional mungkin dan juga bersandarkan pemahaman al-Qur'an dan Sunnah. Setelah berada dalam komuniti inkuiri, hasil jangka panjang yang mungkin terhasil dalam tingkah laku ialah kemahiran berbincang, kemahiran bekerjasama, kemahiran mena'akul dan penghayatan kemahiran-kemahiran ini dalam diri sendiri. Hasilnya golongan muda kita boleh menjadi pemikir yang lebih kritis, kreatif dan berakhhlak, mempunyai keyakinan diri dan ilmu dan dapat mengungkapkan idea mereka dengan lebih fasih dan berkomunikasi dengan lebih berkesan (Lihat Jadual 1).<sup>23</sup>

Di manakah guru dalam pedagogi ini? Apakah peranannya? Seseorang guru dalam pedagogi ini adalah seorang jurulatih berfikir dan pembimbing falsafah.<sup>24</sup>

Beliau memilih bahan perangsang untuk memimpin perbincangan falsafah, membimbing perbincangan dan pertanyaan-pertanyaannya yang mencabar minda dapat memastikan perbincangan itu mempunyai fokus dan berkembang dalam usaha mencapai kebenaran, kesepakatan atau perbezaan pendapat namun menghormati pendapat orang lain berlandaskan prinsip yang mendasari pemikiran mereka. Beliau akan mengajar adab perbezaan pendapat (*adab al-ikhtilaf*) dan juga keperluan untuk menghormati dan mendengar pendapat orang lain sebelum berselisih pendapat dan nilai mesyuarat dan berunding. Di satu sudut beliau mengajar dan menyediakan mereka untuk melibatkan diri dalam masyarakat madani dan demokratik. Justeru, guru sendiri wajarlah seorang yang luas ilmu, berfikiran kritis, kreatif dan berakhlik.

Jadual 1 Tingkahlaku Komuniti Inkuiiri (KI) dan Penghayatan Individu

Tingkahlaku KI	Tingkahlaku individu
Ahli bertanya satu sama lain Bertanya satu sama lain hujah bagi pendirian	Individu menyoal diri sendiri Individu memikirkan sebah bagi berpendirian sedemikian
Membina idea satu sama lain Berbincang sesama sendiri Memberi contoh menentang hipotesis ahli lain Menunjukkan kesan dari idea sesama sendiri Menggunakan kriteria apabila membuat keputusan Bekerjasama dalam membina teknik menyelesaikan masalah secara rasional	Individu membina idea sendiri Individu membahas fikiran sendiri Individu contoh menentang hipotesis sendiri Individu menjangkakan kesan dari idea sendiri Individu menggunakan kriteria apabila membuat keputusan Individu mengikut prosidur rasional dalam menangani masalah sendiri

Kita telah melaksanakan pedagogi ini menerusi Komuniti Inkuiiri dengan pelajar dari pelbagai lapisan dari sekolah rendah sehingga pusat pengajian tinggi dan dalam dua bahasa – Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.<sup>25</sup> Hampir dalam semua kes maklumbalas yang diterima daripada pelajar dan ibubapa adalah positif. Pelajar mendapat manfaat dari segi bahasa, kemahiran berfikir kritis dan kreatif dan lebih peka kepada isu etika, lebih terbuka pandangan, lebih mempunyai keyakinan diri dan boleh mengungkapkan idea dengan lebih baik. Malahan pelajar kelas Pendidikan Moral dan Sivik yang diajar melalui pedagogi ini lebih seronok belajar dan lebih suka kepada subjek ini dari sebelumnya yang menggunakan kuliah, salinan nota dan perbincangan kumpulan kecil di mana mereka diminta membentangkan hasil perbincangan di hujung waktu kelas. Pedagogi ini boleh digunakan untuk semua subjek

**Menghidupkan Semula Pedagogi Inkuiri Falsafah Di Kalangan Pendidik Dan Pelajar Islam**

- sains, bahasa dan pendidikan Islam. Apa yang guru perlukan ialah bahan rangsangan dan kemahiran komuniti inkuiri dan perbincangan falsafah, iaitu mereka perlukan latihan profesional.

### **Pandangan pelajar tentang pedagogi dan KI**

Berikut dilampirkan beberapa pendapat pelajar yang telah mengikuti pengajaran melalui pedagogi ini dalam bahasa Inggeris. Ini adalah bahasa mereka sendiri.

*It gives me more new ideas and this class is very interesting. We can also change our own ideas with our friends. Besides that, it makes me think more and improve my English. Another thing I like this class is because sometimes we will also have argument with some questions.*

(Year 6 student 1, School A)

*I like this class because it is interesting, enjoyable and we can get closer between friends and teacher. It improves my English. It makes me think in a creative and inovatif way. By following this class. I became an open minded person.*

(Year 6 student 2, School A)

*By doing this programme, I overcome my fears in asking questions in public and also gives me the confidence in reading aloud. I also get to enhance my vocabulary power and improve my English gradually.*

(Year 6 student 1, School B)

*"I have become open-minded,, acquired communication skill, Argumentation, and overcome the feeling of shy"(1st year KIRKHS- Qur'an & Sunnah)*

*"Programme has increased my confidence, communication skills, creative, participate in the discussion, argumentative and motivation".(Master AIKOL)*

*"I feel confidence. The more I speak the more I feel confident. There is an improvement" (Master, KIRKHS)*

## Penutup

Makalah ini telah cuba menarik perhatian kepada pedagogi inkuiri falsafah dan menghidupkannya kembali di kalangan pendidik dan pelajar Islam. Pedagogi ini bukannya baru seperti yang telah dibincangkan. Namun dalam konteks Dunia Islam di mana wujud sejarah pertembungan ahli falsafah dan ulama Islam, falsafah masih disyaki dan dikhawatir sehingga ia sukar untuk diterima. Bagaimanapun makalah ini cuba menjelaskan isu yang sebenar dan berhujah bahawa pedagogi ini sudah wujud dalam Tradisi Islam sekian lama tetapi sudah diabaikan dan dilupakan. Justeru, ia seharusnya dirujuk semula dan dihidupkan kerana keberkesanannya dalam memberi pendidikan yang benar-benar bermakna. Sekiranya kita menggunakan pedagogi ini, kita akan dapat membuka minda Muslimin dan apabila alat ini dipadukan dengan prinsip agama mereka, maka kita yakin golongan muda telah memiliki satu senjata yang ampuh untuk berhadapan dengan cabaran hidup zaman mereka.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Aronowitz, Stanley & Henry Giroux, *Education under siege: the conservative, liberal and radical debate over schooling* (London: Routledge & Kegan Paul, 1987).
- <sup>2</sup> Samuel P. Huntington, *The clash of civilizations and the remaking of world order* (New York : Simon & Schuster, 1996 ).
- <sup>3</sup> Khaled Abou El Fadl, *The great theft: Wrestling Islam from the extremists* (San Francisco: HarperCollins, 2005).
- <sup>4</sup> Paulo Freire, *Pedagogy of the oppressed*, terj. Myra Bergman Ramos (NY: Continuum, 1988)
- <sup>5</sup> George Sarton, *Introduction to the history of science Vol I* (Baltimore, MD.: Carnegie Institution of Washington, 1927), 5.
- <sup>6</sup> Bayard Dodge, *Muslim education in medieval times* (Washington DC: The Middle East Institute, 1962).
- <sup>7</sup> Al-Ghazali, *Kitab al-'Ilm* terj. N. A. Faris (Lahore: Sh Ashraf Pub., 1987).
- <sup>8</sup> Alfred Whitehead, *Aims of education and other essay* (New York : Free Press, 1929).
- <sup>9</sup> Lihat Rosnani Hashim, Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century, *American Journal of Islamic Social Sciences*, 22:4 (Fall 2005).
- <sup>10</sup> S.M. Naquib al-Attas, *The concept of education in Islam* (KL: ISTAC, 1991), 17.
- <sup>11</sup> J. Bruner, *Acts of Meaning* (Cambridge, MA: Harvard University Press, 1990).
- <sup>12</sup> R. Sternberg, Why Schools Should Teach for Wisdom: The Balance Theory

- of Wisdom in Educational Settings, *Educational Psychologist*, Jilid 36, Isu 4 February 2001 , 227 - 245
- <sup>13</sup> Al-Ghazali, Abu Hamid. *Al-qistas al-mustaqim: The just balance*. Terj. D.P. Brewster. (Lahore: Sh Muhammad Ashraf, 1978).
- <sup>14</sup> Maksudnya: "Pengajaran falsafah Islam adalah sangat mendesak sebab ia adalah wahana untuk mempertahankan al-Haq dan memberi jalan bagi menepis serangan terhadapnya dari semua penjuru." Lihat S.H. Nasr, *Traditional Islam in the modern world* (New York: Kegan Paul International, 1987).
- <sup>15</sup> O. Leaman, *An Introduction to Medieval Islamic Philosophy* (Cambridge: Cambridge University Press, 1992), 6.
- <sup>16</sup> Al-Ghazali, *Al-qistas al-mustaqim: The just balance* 1978.
- <sup>17</sup> Az-Zarnuji, *Ta'lim al-muta'allim – tariq at-ta'allum* [Instruction of the Student: The Method of Learning] terj. G. E. Von Grunebaum & T. M . Abel (New York: The Iranian Institute ans School of Asiatic Studies, King Crown Press, 1947), 48-9.
- <sup>18</sup> Ibid., 49.
- <sup>19</sup> Ibid., 49.
- <sup>20</sup> G. Makdisi, *The rise of colleges* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1981), 111.
- <sup>21</sup> Ibid., 126.
- <sup>22</sup> M. Lipman, A.M. Sharp & F.S. Oscanyan, *Philosophy in the classroom* 2d Ed. (Philadelphia: Temple University Press, 1980).
- <sup>23</sup> M. Lipman, *Thinking in education* 2d Ed. (Cambridge: Cambridge University Press, 2003).
- <sup>24</sup> Clinton Golding, The "Philosophy" in philosophy in schools dalam Ho Wah Kam (Ed.), *Philosophy in schools: Developing a community of inquiry* (Singapore: Singapore Teachers' Union, 2006), 66-84.
- <sup>25</sup> Moomala Othman & Rosnani Hashim. Critical Thinking and Reading Skills: A comparative study of the Reader Response and the Philosophy for Children Approaches. *Thinking: the Journal of Philosophy for Children*. 18:2, hal. 26-34, Dis 2006; Rosnani Hashim, 'Philosophy for Children: Its Effects on the Reading and Reasoning Skills of Average and High Achievers in a Malaysian Primary School', Kertas ini telah dibentang pada 12<sup>th</sup> *Learning Conference* di Universidad de Granada, Spain, Julai 10-13, 2005. Kami telah menjalankan program 16 jam dengan pelajar UIAM melalui Centre for Philosophical Inquiry in Education (CPIE) dan Students Learning Enhancement Unit (SLEU) untuk dua semester berturut-turut.